

**Dasar Keterbukaan Ekonomi Myanmar Tidak Jejas Kemasukan FDI Ke Malaysia,
Kata Mukhriz
Bernama
8 Mac, 2012**

JOHOR BAHRU, 8 Mac (Bernama) -- Dasar keterbukaan ekonomi Myanmar ketika ini tidak akan menjejaskan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Mukhriz berkata Malaysia akan terus menjadi tumpuan para pelabur asing memandangkan tumpuan negara ketika ini ialah terhadap industri berteknologi tinggi.

"Myanmar lebih tertumpu kepada industri berasaskan kayu dan pembalakan berbanding sektor lain. Kita juga tidak begitu berminat terhadap pelaburan dalam sektor berasaskan buruh," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Technip Asiaflex Products Sdn Bhd, di Tanjung Langsat, dekat sini Khamis.

Dalam pada itu, Mukhriz berkata sebanyak 846 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan bernilai RM56.1 bilion, diluluskan di negara ini, tahun lepas.

Beliau berkata daripada jumlah tersebut, sebanyak RM22 bilion atau 39.2 peratus merupakan pelaburan tempatan (DDI) manakala RM34.1 bilion atau 60.8 peratus lagi melibatkan pelaburan asing (FDI).

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650866>